

Sklaaiig Keimiiicak Tatiuiian Forum Ekonomi Dmtla 2025

Ekonomi MADANI bantu raih pelaburan utama industri AI

Malaysia sedia insentif mencukupi untuk tarik pelabur utama dari AS, Eropah dan China

Davos (Switzerland): Kestabilan politik dan dasar jelas Ekonomi MADANI menggalakkan penggiat utama dalam industri kecerdasan buatan (AI), termasuk syarikat semikonduktor untuk melabur di Malaysia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata kerajaan menyediakan insentif yang mencukupi untuk menarik pelabur utama dari Amerika Syarikat (AS), Eropah dan China membuat pelaburan besar di Malaysia.

Beliau turut menyentuh komitmen Malaysia terhadap Perjan-

jian Iklim Paris, dengan mengambil langkah berani dan tegas mementingkan kemanusiaan dan memelihara kelestarian

Sebagai Pengerusi ASEAN katanya, Malaysia juga memberi tumpuan dan kepentingan utama ASEAN terhadap asas dan kerjasama ekonomi.

Seiring dengan kemajuan AI, Anwar berkata, kerajaan mengambil pendekatan menyeluruh untuk menyepadukan AI ke dalam rangka kerja nasional Malaysia, dengan memberi penekanan mewujudkan undang-undang AI yang mantap, pejabat nasional AI dan langkah perlindungan data.

“Kami perlu merancang pelaksanaan AI nasional, pejabat AI, perundangan, perlindungan data dan apa sahaja yang diperlukan untuk memastikan kami dilengkapi sepenuhnya dengan kaedah-AI, mengubah sistem pendidikan, perkhidmatan kesihatan, teknologi blok rantai,” kata Anwar di sini semalam.

Beliau berkata demikian ketika sesi dialog eksklusif khas bersempena dengan kepimpinan fo-

rum bertajuk *A Conversation with Anwar Ibrahim* yang dimudahcarakan Pengasas dan Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Forum Ekonomi Dunia (WEF), Prof Klaus Schwab.

“Ia perlu dilaksanakan segera, dan kami menggerakkannya (AI) pada kadar yang lebih pantas, sebahagiannya kerana usia saya. Saya tidak mempunyai masa untuk menunggu,” ujar pemimpin berusia 77 tahun itu secara berseloroh.

Terdahulu, pada sesi *Country Strategy Dialogue* di luar WEF Sidang Kemuncak Tahunan 2025, Anwar berkata, penggunaan kecerdasan buatan (AI) dalam sistem penjagaan kesihatan bukan saja dapat meningkatkan kecekapan, malah membantu mengurangkan pembaziran dari segi kos.

Beliau berkata, sejak meneraujui kerajaan dua keutamaan beliau ialah pendidikan dan penjagaan kesihatan.

“Saya fikir ia adalah sangat

tidak adl. Dalam falsafah politik saya untuk menafikan sebahagian besar (rakyat) kemudahan kesihatan terbaik, dan sudah tentu infrastruktur asas di hospital dan AI memainkan peranan penting di dalamnya.

“Melalui AI, ia bukan sahaja meningkatkan kecekapan dan menampilkan teknologi canggih, pada masa sama, ia mengurangkan pembaziran dari segi kos,” katanya.

Perdana Menteri berkata, pendigitalan ialah komponen yang tercicir dalam semua perjanjian perdagangan bebas (FTA) Malaysia sebelum ini.

Menekankan transformasi digital satu keutamaan yang digerakkan secara agresif oleh ASEAN beliau berkata, Malaysia yang kini merancang untuk menambah baik beberapa FTA sedia adanya, juga menimbang pendigitalan sebagai sebahagian daripada penambahbaikan itu.

“Kami baru sahaja memeterai FTA dengan Emiriah Arab Bersatu (UAE) minggu lalu. Perjanjian Komprehensif dan Progresif

bagi Perkongsian Trans-Pasifik (CPTPP) dengan United Kingdom. Kini, kami mahu mempercepat kemajuan dengan Kesatuan Eropah melalui Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia-EU (MEUFTA),” katanya.

Mengenai transformasi digital dalam ASEAN, Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, ketersambungan yang dipacu AI perlu mengambil kira pelbagai jurang di kawasan bandar dan menyediakan lebih banyak ketersambungan ke kawasan luar bandar membangun.

“Komitmen kami untuk memastikan penghantaran seperti ini (Grid Kuasa ASEAN atau APG) dan juga transformasi pendigitalan akan meliputi semua sudut dan bidang” katanya.

Selain pendigitalan, negara anggota juga menyasar untuk merealisasikan APG, yang juga rangkaian saling sambung kuasa serantau untuk menghubungkan rantau itu, yang seterusnya boleh membawa kepada sistem grid kuasa Asia Tenggara bersepadu sepenuhnya. BERNAMA